

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 30/9/2020

DIBACA PADA: 2/10/2020

DILULUSKAN OLEH: BAHARUDIN ALWI



جَنَاتُ خَالِ الْجَوَالِيكُمُ اسْمًا مَكْرَمًا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

14 SAFAR 1442H/ 02 OKTOBER 2020

AMAL KONSEP TABAYYUN ELAK MUDARAT FITNAH

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ Ahli Jawatan Kuasa Masjid/ Surau :

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَىٰ

مَا فَعَلْتُمْ نَدِمِينَ ﴿٦﴾

(Surah al-Hujurat, ayat 6)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ

عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH!

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala yang ditegah-Nya sebagai bekalan untuk dibawa di hari perhitungan kelak.

PARA JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH!

Walaupun pada dasarnya teknologi dan alat-alat komunikasi serba canggih yang mendominasi gaya hidup kita dewasa ini direka cipta bertujuan baik untuk memudahkan urusan harian manusia, namun ia juga tidak terlepas daripada disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai kecenderungan untuk membuat onar. Hakikat ini pastinya membimbangkan banyak pihak khususnya para ibu bapa, guru, pemimpin, golongan mukmin dan anggota masyarakat yang cintakan keamanan dan keharmonian. Apa tidaknya, jika tidak cakna terhadap kualiti dan kesahihan maklumat yang disajikan itu maka ia pasti memberi kesan yang buruk.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH!

Salah satu bentuk penyalahgunaan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini ialah menyalur dan menyebarkan perkara atau berita tidak benar di alam maya. Ia termasuklah perbuatan fitnah dan memfitnah melalui media sosial seperti *facebook*, *instagram*, *whatsapp*, *SMS* dan sebagainya.

Fitnah adalah kata bahasa Arab yang mafhumnya adalah cubaan atau ujian. Dalam masyarakat kita, fitnah merujuk kepada perkara yang direka-reka atau tuduhan yang diada-adakan bertujuan memburukkan atau memudaratkan seseorang individu atau

sesuatu pihak. Jadi, perbuatan memfitnah bererti membuat tuduhan tidak benar atau mengada-adakan cerita untuk menjatuhkan reputasi seseorang individu atau pihak-pihak yang disasarkan.

Mangsa fitnah berkemungkinan menderita sepanjang hayatnya. Ini kerana, mereka bukan sahaja berhadapan dengan tohmahan dan buruk sangka, malahan berkemungkinan berhadapan dengan tanggapan negatif khalayak sebagai manusia jahat dan mesti dipulaukan oleh masyarakat. Ini menunjukkan yang fitnah itu merupakan suatu ujian bukan sahaja terhadap mangsa, bahkan ia juga merupakan suatu ujian terhadap pelaku fitnah.

Lantaran itu, fitnah dikira lebih dahsyat daripada membunuh sehingga dosa pembuat fitnah dikategorikan sebagai dosa besar di sisi Allah. Ini sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 217:-

... وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ ...

Yang bermaksud: “...Dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar dosanya) daripada pembunuhan...” (S. al-Baqarah: 217)

HADIRIN JEMAAH SEKALIAN!

Sememangnya agak sukar membendung budaya fitnah menfitnah ini kerana ia berkait rapat dengan tabiat manusia. Tabiat manusia yang beraneka ragam pula secara umumnya lebih terarah kepada perkara-perkara yang jelek dan menyalahi syariat, seperti halnya dengan perbuatan mereka-reka cerita tidak benar dan membuat tuduhan-tuduhan liar terhadap seseorang individu atau pihak-pihak tertentu.

Namun begitu, dalam menghadapi budaya fitnah menfitnah yang sangat berbahaya ini, Islam menganjurkan kita supaya menyaring setiap maklumat yang diterima terlebih dahulu sebelum dikongsikan dengan orang lain atau menyebarkannya ke alam maya melalui media-media sosial. Tanpa mengira siapa pengirim maklumatnya, umat Islam wajar berhati-hati dengan mengamalkan konsep **Tabayyun**, sebagaimana dianjurkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:--

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنْ جَاءَكُمْ فٰسِقٌۢ بِنَبَاٍ فَتَبَيَّنُوْا اَنْ تُصِيْبُوْا قَوْمًا بِجَهٰلَةٍ فَتُصِحُّوْا عَلٰى

مَا فَعَلْتُمْ نٰدِمِيْنَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang yang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah ((untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.” (S. al-Hujurat: 6)

SAUDARA JEMAAH YANG BIJAKSANA!

Konsep Tabayyun merangkumi usaha menyelidiki sumber dan kesahihan setiap maklumat yang diterima. Ini penting dilakukan memandangkan pembawa atau pengirim maklumat di alam maya kini bukan sahaja beraneka latar belakangnya, malahan beraneka tujuan dan sasarannya. Pendek kata bukan sahaja golongan kuffar, munafik dan fasik yang memanfaatkan media-media sosial untuk tujuan-tujuan tertentu, malahan umat Islam juga tidak ketinggalan menggunakan platform media sosial sebagai medium dakwah dan tarbiah.

PARA JEMAAH YANG MULIA!

Sehubungan dengan itu marilah kita sama-sama merenung dan mentadabur firman Allah SWT dalam surah al-Israa' ayat 36

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran, dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.” (S. al-Israa’: 36)

Sehubungan dengan mafhum firman Allah tersebut, gunakanlah segala pancaindera kurniaan Ilahi seperti mata, telinga, akal, tangan dan sebagainya dijalan-jalan makruf dan diredai Allah. Ini wajib dipatuhi memandangkan kesemua pancaindera manusia akan menjadi saksi ke atas pemilikinya pada hari pengadilan di padang Masyar kelak.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَكَسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ
الرَّحِيمُ.